

20 MAY 1999

RUNDINGAN-DUA HALA

M'SIA & INDONESIA MAHU PROSES UNDI DIJALANKAN UNTUK PILIH S/U AGUNG WTO

Oleh: Tham Choy Lin

BATAM, 20 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia mahu pelantikan setiausaha agung Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dibuat melalui proses undian, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Perkara tersebut telah dibincangkan dengan Menteri Penyelaras Ekonomi, Perdagangan dan Kewangan Indonesia, Ginandjar Kartasasmita, pada mesyuarat peringkat menteri di antara Malaysia dan Indonesia di sini sempena rundingan dua hala antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia B.J. Habibie. Rafidah juga menemui menteri industri Indonesia, Rahadi Ramelan.

Bekas Perdana Menteri New Zealand Mike Moore dan Timbalan Perdana Menteri Thailand Supachai Panitchpakdi turut bertanding untuk menjadi setiausaha agung baru WTO.

Rafidah berkata Malaysia dan Indonesia telah bersetuju supaya undian mengenai perkara tersebut dilaksanakan pada mesyuarat WTO di Geneva nanti.

Beliau menambah: "Kita mahu undi. Kita amat yakin Supachai mendapat sokongan."

Katanya Malaysia dan Indonesia juga tidak berminat untuk menentukan agenda baru bagi pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala pada mesyuarat peringkat menteri WTO yang akan diadakan di Seattle dalam tahun ini kemudian nanti.

Malaysia dan Indonesia, katanya, hanya bersedia untuk mula bercakap tentang pusingan baru itu tahun depan.

Rafidah juga berkata Malaysia dan Indonesia telah memutuskan untuk tidak berundur mengenai AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) yang dijadual dilaksanakan mulai tahun 2003.

Katanya kedua-dua negara komited untuk berpegang kepada kerangka masa yang ditetapkan.

Rafidah juga memberitahu bahawa Malaysia dan Indonesia akan menerokai peluang-peluang pelaburan dalam negara satu sama lain. Kedua-dua negara akan juga membincangkan cara mempertingkatkan pelaburan merentasi sempadan, tegasnya.

Kata Rafidah Indonesia telah memaklumkan bahawa terdapat lebih keupayaan dalam beberapa bidang pengeluaran perindustrian di negara tersebut.

Rafidah menyarankan supaya usahawan-usahawan Malaysia yang mempunyai keupayaan untuk melabur di luar negara mengkaji lebih keupayaan di Indoneisa ini dan membantu membangunkan industri-industri ini bagi rantau Asean.

Menurut Rafidah Malaysia juga telah mempelawa usahawan Indonesia yang mempunyai keupayaan untuk melabur di Malaysia.

"Inilah masanya," tegas beliau. -- BERNAMA

TCL KY OS